

## SIARAN MEDIA

### PERUNTUKAN RM6.03 JUTA MELALUI PROGRAM SENTUHAN KASIH KPKT BANTU TINGKATKAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK BENTONG DAN BERA

---

**BENTONG, 21 September 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengadakan satu lawatan kerja sempena Program Sentuhan Kasih KPKT ke Bentong, Pahang pada tengah hari ini.

YB KM telah turun padang meninjau keperluan bagi **menaik taraf dan membaik pulih kemudahan awam serta infrastruktur di Medan Selera Kampung Baru, Taman Saga, Pasar Besar Bentong dan Pasar Chemomoi**. Beliau telah mengumumkan **peruntukan sebanyak RM2.4 juta** bagi mempertingkatkan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk Bentong.

Peruntukan ini **melibatkan empat (4) buah projek** yang akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Bentong seperti berikut;

1. Menaik taraf medan selera Kg. Baru;
2. Menaik taraf longkang di Taman Saga;
3. Membaik pulih bangunan Pasar Besar Bentong serta kerja-kerja berkaitan di Pasar Besar Bentong; dan
4. Membaik pulih bangunan Pasar Awam Chemomoi serta kerja-kerja berkaitan.

YB KM turut mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak **RM2.34 juta** bagi pelaksanaan 16 buah projek di 11 buah Kampung Baru iaitu Kampung Bukit Tinggi, Kampung Chamang, Kampung Karak, Kampung Kemansur, Kampung Manchis, Kampung Sri Telemong, Kampung Sungai Dua, Kampung Sungai Penjuring, Kampung Sungai Perdak, Kampung Telemong dan Kampung Ulu Perring.

Peruntukan sebanyak **RM1.29 juta** turut disalurkan kepada Majlis Daerah Bera bagi pelaksanaan kerja- kerja menaik taraf Pasar Awam Triang dan kerja- kerja berkaitan.

Menurut YB KM, “Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPKT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPKT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat di kawasan Bentong terus terpelihara.”

Tambah beliau, “Keseluruhan peruntukan naik taraf kemudahan awam dan infrastruktur ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Dalam lawatan kerja tersebut, YB KM turut menyempurnakan Sesi Penyerahan Kunci Rumah Mesra Rakyat (RMR) kepada tiga orang penerima di Kampung Chemomoi Bentong, Pahang. Ia turut dihadiri oleh YBhg Datuk Husam bin Musa; Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan YBrs. En Zahanuddin Kamarudin; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif SPNB.

Sejak RMR diperkenalkan bermula tahun 2002 sehingga 15 September 2023, SPNB telah berjaya membina sebanyak **63,858 unit RMR di seluruh negara** dengan sejumlah **3,116 unit masih dalam proses pembinaan**. Bagi kawasan **Parlimen Bentong** pula, sebanyak **287 unit RMR telah siap dibina, 19 unit dalam proses pembinaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 662 permohonan**.

Menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Kerajaan telah menasaskan untuk membina sebanyak 500,000 unit rumah mampu milik bagi meningkatkan peluang kelompok B40 untuk memiliki kediaman sendiri dan SPNB telah diperuntukkan untuk membina 15,000 unit RMR di seluruh negara menjelang tahun 2025.

Melihat kepada permintaan yang tinggi bagi Program RMR, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan tambahan bagi membina 3,000 lagi unit RMR baru-baru ini, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 18,000 unit. Sejalan dengan hasrat kerajaan tersebut, SPNB menasaskan pembinaan keseluruhan 18,000 unit RMR dalam tempoh 2021 sehingga 2025 seperti yang diperuntukkan di bawah RMKe-12.

Turut hadir semasa rangka lawatan kerja ialah YB Puan Young Syefura binti Othman, Ahli Parlimen Bentong; YB Tuan Lee Chin Chen, ADUN Bilut; YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan;

YBhg. Dato' Rose Samsul bin Abdul, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Bentong serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT akan terus memfokuskan kepada pelbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan secara bersepadu dan inklusif bagi merealisasikan perancangan pembangunan yang mampan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

*#MalaysiaMADANI*

*#StrongerTogether*

*#DemiPertiwi*

*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

